

PROGRAM GANJARAN EDU

Kemas kini terakhir pada 27 November 2024

TEMPOH PROMOSI

“Program Ganjaran Edu” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada **01 Oktober 2024** dan berakhir pada **31 Mac 2025**, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Promosi**”).

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“**T&S**”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu warganegara dan bukan warganegara Malaysia (“**Pelanggan**”) yang merupakan pelanggan di kaunter (“**Cawangan HLB**”) dan Perbankan Dalam Talian HLB Connect (“**HLB Connect Online**”) baharu atau sedia ada yang mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB dalam Ringgit Malaysia (“**RM**”) (“**CASA/CASA-i**”). Pelanggan baharu ditakrifkan sebagai mereka yang bukan pengguna HLB/HLISB sedia ada mahupun mempunyai CASA/CASA-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi. Untuk mengelakkan keraguan, urusan transaksi pengirisan wang yang berlaku pada bulan Oktober 2024 dan November 2024 melalui HLB Connect Online TIDAK layak untuk Promosi ini.
2. Pihak Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
 - (a) telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang, atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank.
 - (b) sedang menghadapi prosiding kebangkrutan atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi.
 - (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan Talian HLB Connect dan Terma dan Syarat Transaksi Pengirisan Wang (secara kolektif dirujuk sebagai “**Terma dan Syarat Berkaitan**”) pada bila-bila masa sebelum, semasa, atau selepas Tempoh Promosi.

MEKANIK PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan mesti memenuhi kriteria berikut semasa Tempoh Promosi (“**Pelanggan Layak**”):
 - (i) Melakukan transaksi pengirisan wang untuk Pemindahan Telegraf Keluar (“**OTT**”) melalui HLB Connect Online dan/atau di Cawangan HLB;
 - (ii) Jumlah pemindahan minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dan ke atas** bagi setiap transaksi diperlukan;
 - (iii) Tujuan pembayaran adalah untuk **pendidikan luar negara atau pembayaran berkaitan pendidikan**; dan
 - (iv) Menyediakan **dokumen sokongan yang diperlukan**, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (a) Surat tawaran untuk pelajar daripada sekolah/kolej/universiti luar negara;
 - (b) Kad/pas/ID pelajar yang sah;
 - (c) Invois untuk tuisyen/penginapan/yuran lain;
 - (d) Surat yang menunjukkan anggaran yuran dan/atau perbelanjaan sara diri untuk satu tahun akademik; dan
 - (e) Dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh Bank untuk membuktikan bahawa tujuan pembayaran adalah berkaitan dengan pendidikan.

Ganjaran dan Pemilihan Pemenang:

4. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang digariskan di bawah Klausula 3 akan layak untuk yang berikut:
 - (a) **Fi Sifar:** Nikmati Fi Sifar untuk semua transaksi OTT yang dilakukan melalui HLB Connect

- Online dan/atau di Cawangan HLB untuk tujuan pendidikan semasa Tempoh Promosi.
- (b) **Pulangan Tunai:** Terima Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) untuk setiap transaksi OTT yang berjaya (“Pulangan Tunai”). Ganjaran ini terhad kepada dua ribu enam ratus (2,600) Pelanggan Layak pertama semasa Tempoh Promosi (“**Pemenang Pulangan Tunai**”).
- (c) **Hadiah Utama:** Seorang (1) pemenang dengan bilangan transaksi OTT tertinggi yang berjaya dilaksanakan semasa Tempoh Promosi akan menerima sepasang baucar penerbangan bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000), seperti yang diperincikan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

GANJARAN		
Fi Sifar	Pulangan Tunai RM10	Hadiah Utama: Sepasang Baucar Penerbangan
<p>Faedah: Nikmati Fi Sifar untuk semua transaksi OTT yang layak dilakukan melalui HLB Connect Online dan/atau di Cawangan HLB untuk tujuan pendidikan.</p> <p>Kelayakan: Pelanggan yang memindahkan sekurang-kurangnya RM10,000 setiap transaksi untuk tujuan pendidikan akan layak mendapat Fi Sifar untuk kabel caj dan/atau fi untuk TT Online.</p>	<p>Faedah: Terima Pulangan Tunai RM10 untuk setiap transaksi yang berjaya.</p> <p>Kelayakan: Ganjaran ini terhad kepada dua ribu enam ratus (2,600) Pelanggan Layak pertama yang membuat transaksi OTT untuk tujuan pendidikan dengan amaun minimum sebanyak RM10,000 setiap transaksi.</p> <p>Contoh: Pelanggan Layak yang berjaya membuat dua (2) transaksi yang layak semasa Tempoh Promosi akan menerima dua (2) Pulangan Tunai dengan jumlah keseluruhan RM20 berdasarkan siapa cepat dia dapat.</p>	<p>Faedah: Sepasang Baucar penerbangan bernilai RM10,000 dikeluarkan oleh pembekal sah yang dilantik oleh HLB.</p> <p>Kelayakan: Hadiah Utama akan diberikan kepada Pelanggan Layak dengan bilangan transaksi OTT kumulatif tertinggi yang berjaya dilakukan untuk tujuan pendidikan semasa Tempoh Promosi.</p> <p>Bilangan transaksi untuk memenangi Hadiah Utama boleh dikumpul semasa Tempoh Promosi.</p>

5. Jumlah peruntukan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
- (a) **Fi Sifar:** Terpakai kepada semua transaksi yang layak yang memenuhi kriteria Promosi.
- (b) **Pulangan Tunai:** Terhad kepada 2,600 Pelanggan Layak pertama yang membuat transaksi OTT yang layak iaitu sehingga jumlah keseluruhan Ringgit Malaysia **Dua Puluh Enam Ribu** (RM26,000) sahaja.
- (c) **Hadiah Utama:** Seorang (1) Pelanggan Layak akan memenangi sepasang baucar penerbangan bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) pada akhir Tempoh Promosi. (“**Pemenang Hadiah Utama**”)

PEMENUHAN GANJARAN

(A) Fi Sifar

6. Pelanggan Layak yang melakukan transaksi OTT untuk tujuan pendidikan dengan amaun pemindahan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) (“Jumlah Pindahan Minimum”) semasa Tempoh Promosi melalui HLB Connect Online dan/atau di Cawangan HLB akan menikmati Fi Sifar (“**Fi Sifar**”).
7. Pelanggan Layak yang melakukan transaksi OTT dengan Jumlah Pindahan Minimum untuk tujuan pendidikan melalui HLB Connect Online akan menerima bayaran balik fi yang dibayar untuk transaksi OTT tersebut **dalam masa tiga puluh (30) hari perniagaan** selepas akhir setiap bulan

apabila transaksi berjaya dilaksanakan semasa Tempoh Promosi, seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tempoh Kempen	Tarikh Bayaran Balik Fi
01 Disember 2024 – 31 Disember 2024	Diantara 01 Januari 2025 – 30 Januari 2025
01 Januari 2025 – 31 Januari 2025	Diantara 01 Februari 2025 – 28 Februari 2025
01 Februari 2025 – 28 Februari 2025	Diantara 01 Mac 2025 – 31 Mac 2025
01 Mac 2025 – 31 Mac 2025	Diantara 01 April 2025 – 30 April 2025

(B) Pulangan tunai

8. Seramai dua ribu enam ratus (2,600) Pemenang akan menerima Pulangan Tunai untuk Promosi ini. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan Layak jika peruntukan Pulangan Tunai telah mencapai hadnya semasa Tempoh Promosi.
9. Pihak Bank akan mengkreditkan Pulangan Tunai ke akaun CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai masing-masing (iaitu, akaun yang digunakan untuk melakukan transaksi OTT) **dalam masa tiga puluh (30) hari perniagaan** selepas akhir setiap bulan semasa Tempoh Promosi di mana tarikh akhir pembayaran akan dibuat pada 30 April 2025, seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tempoh Kempen	Tarikh Pulangan Tunai
01 Oktober 2024 – 31 Oktober 2024*	Diantara 01 November 2024 – 30 November 2024
01 November 2024 – 30 November 2024*	Diantara 01 Disember 2024 – 31 Disember 2024
01 Disember 2024 – 31 Disember 2024	Diantara 01 Januari 2025 – 31 Januari 2025
01 Januari 2025 – 31 Januari 2025	Diantara 01 Februari 2025 – 28 Februari 2025
01 Februari 2025 – 28 Februari 2025	Diantara 01 Mac 2024 – 31 Mac 2025
01 Mac 2024 – 31 Mac 2025	Diantara 01 April 2024 – 30 April 2025

* Layak untuk transaksi yang dilakukan di Cawangan HLB sahaja.

10. Pemenang Pulangan Tunai akan dimaklumkan melalui Pemberitahuan Dalam Aplikasi HLB Connect (“**IAP**”)/Perkhidmatan Mesej Ringkas (“**SMS**”) atau sebarang kaedah komunikasi yang dianggap wajar oleh Bank setelah Pulangan Tunai berjaya dikreditkan kepada Pemenang Pulangan Tunai.
11. Bank berhak untuk mengambil semula Pulangan Tunai jika CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai (digunakan untuk melakukan OTT transaksi) dorman atau ditutup sebelum Bank mengkreditkan Pulangan Tunai.

(C) Hadiah Utama: Sepasang Baucar Penerbangan

12. Hanya seorang (1) Pelanggan Layak yang akan menerima Hadiah Utama pada penghujung Tempoh Promosi. Pemenang Hadiah Utama akan dipilih berdasarkan bilangan transaksi OTT tertinggi yang berjaya dijalankan semasa Tempoh Promosi. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) Pelanggan Layak dengan bilangan transaksi OTT tertinggi yang sama, Pelanggan Layak dengan **jumlah amaun transaksi kumulatif tertinggi** akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama.
13. Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan di laman sesawang Bank di <http://www.hlb.com.my> dan/atau <http://www.hlisb.com.my> (“**Laman Sesawang Bank**”). Pemenang Hadiah Utama juga akan dimaklumkan melalui e-mel dan/atau IAP dengan butiran yang berkaitan dengan tuntutan Hadiah Utama dalam tempoh **enam puluh (60) hari perniagaan dari tarikh pengumuman**.
14. Pihak Bank berhak untuk membatalkan penyertaan Pemenang Hadiah Utama dan menyerahkan Hadiah Utama kepada pemenang seterusnya yang layak jika pihak Bank tidak dapat menghubungi Pemenang Utama atas sebarang sebab. Pemenang yang tidak dapat dihubungi tidak boleh membuat tuntutan terhadap Bank atas pembatalan dan kehilangan hak tersebut. CASA/CASA-i Pemenang Hadiah Utama mestilah kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sehingga tarikh pemenuhan ganjaran dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma

& Syarat Berkaitan. Kegagalan untuk mematuhi akan mengakibatkan kelayakan dilucut secara automatik daripada menyertai Promosi ini.

15. Pemenang Hadiah Utama hendaklah berhubung terus dengan pembekal sah yang dilantik oleh pihak Bank, untuk semua perkara yang berkaitan dengan Hadiah Utama termasuklah maklumat, pemenuhan, pembayaran, penghantaran, tuntutan dan waranti.
16. Pihak Bank tidak memberikan representasi atau waranti mengenai kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana hadiah yang hilang atau dicuri. Pemenang hendaklah berurusan secara langsung dengan pembekal untuk sebarang aduan, pertikaian, atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah Utama atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri, tanpa merujuk kepada pihak Bank.
17. Kecuali jika dijelaskan secara khusus dalam T&S ini, Pemenang Hadiah Utama bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan semua dokumen perjalanan, permit dan visa yang diperlukan (jika berkenaan), dan membuat semua persediaan yang diperlukan untuk perjalanan ("**Persediaan**"). Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan atau membuat Persediaan tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang Hadiah Utama dan pasangannya.

UMUM

18. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa maklumat peribadi mereka, termasuk nama dan empat (4) digit terakhir nombor NRIC atau nombor pasport mereka, boleh digunakan untuk tujuan promosi, termasuk penerbitan senarai Pemenang di Laman Sesawang Bank. Adalah menjadi kewajipan Pelanggan untuk memberikan butiran hubungan dan alamat e-mel yang sah dan terkini kepada pihak Bank semasa Tempoh Promosi.
19. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini dan Terma dan Syarat Berkaitan;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pemenuhan syarat yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan konklusif;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank mengenai semua perkara berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan terikat kepada semua Pelanggan Layak;
 - (iv) memberi kebenaran dan kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada XOX Technology Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) penyedia perkhidmatan SMS yang dilantik oleh pihak Bank bagi tujuan promosi ini dan/atau bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan alamat e-mel mereka kepada Dcatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Bank untuk menyediakan perkhidmatan e-mel bagi tujuan Promosi ini;
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberi butiran maklumat hubungan yang sah dan terkini termasuk alamat e-mel kepada pihak Bank, dan memaklumkan pihak Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak kerana alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan Layak tidak tepat atau tiada penghantaran e-mel atas apa jua sebab sekalipun;
 - (vi) bersetuju untuk mengakses ("**Laman Sesawang Bank**") secara berkala untuk melihat Terma & Syarat Promosi dan memastikan ia sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (vii) bersetuju bahawa sebarang e-mel yang dihantar kepada Pelanggan Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan perkhidmatan/pembekal rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kawalan sekiranya e-mel tertunda, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh pembekal e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh pembekal e-mel Pelanggan Layak (selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**"). Oleh yang demikian, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian

- atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima SMS dan/atau e-mel daripada pihak Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan dilayan;
- (viii) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayuan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan pihak Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
20. Pihak Bank berhak:
- (i) untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di sini dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S yang disenaraikan di sini atau penamatan Promosi ini di Laman Web Bank dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak;
 - (ii) untuk mengambil semula Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Utama sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Berkaitan dan/atau semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
21. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkaitan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai untuk mengatasi setakat percanggahan tersebut.
22. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini dan apa-apa pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
23. Terma & Syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
24. Kecuali dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan T&S ini, sila emel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.